

Pasangan kembar daftar masuk USIM

SEREMBAN 3 Sept. - Impian pasangan kembar Nurul Shahidah dan Nurul Shuhadah Ahmad Puad, 19, untuk menjejakkan kaki ke menara gading bersama-sama menjadi realiti selepas mereka berjaya mendaftar masuk di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, dekat sini semalam.

Pasangan yang berasal dari Sabak Bernam, Selangor itu menyambung pengajian dalam jurusan Teknologi Kimia Industri dan mereka adalah antara 2,440 pelajar yang hadir mendaftar ke program sarjana muda universiti itu hari ini.

Menurut **Nurul Shahidah**, mereka tidak menjangka terpilih untuk menyambung pengajian bersama-sama selepas tamat pengajian di Kolej Matrikulasi Banting, Selangor sebelum ini.

"Memang kami mengisi borang permohonan untuk masuk ke universiti ini, tidak sangka pula diterima. Saya rasa sangat bersyukur kerana dapat belajar bersama de-



YAHYA RAHIMI



FITRATALLAH

ngan kakak," katanya.

Sementara itu kakaknya, **Nurul Shuhadah** berkata, mereka berdua memang meminati bidang kimia dan bercadang untuk menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi.

"Saya menyimpan cita-cita untuk menjadi seorang pakar kimia ataupun pakar forensik kerana bidang itu mencabar dan saya sukakan cabaran," katanya.

Pelajar antarabangsa, **Yahya Rahimi**, 24 yang berasal dari Afghanistan berkata, masyarakat negara ini amat bertuah kerana berpeluang

melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi dengan mudah dan dibantu kerajaan.

"Sepatutnya peluang ini disambut dengan kesyukuran kerana kerajaan negara ini amat menitikberatkan soal masa hadapan rakyat dengan memperkasa bidang pendidikan," katanya yang mengambil program Sarjana Muda Sains dan Teknologi.

Tambahnya, dia adalah antara 150 pelajar yang dipilih oleh kerajaan Afghanistan untuk ditaja belajar ke beberapa buah negara seperti India, Rusia, Turki dan Malaysia.

"Saya berada di sini selama empat tahun dan apabila tamat kelak, saya akan kembali bekerja di negara sendiri," tegasnya.

Dalam pada itu, **Fitratallah Rahman**, 20, melahirkan rasa syukur kerana diterima menyambung pengajian di USIM dalam program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa selama empat tahun.



PASANGAN kembar Nurul Shahidah (kiri) dan Nurul Shuhadah Ahmad Puad (kanan) diapit oleh ibu, Ummi Kalsom Roni dan bapa, Ahmad Puad Sainu semasa hadir mendaftar untuk program Sarjana Muda di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, kelmarin.